



## SOP PEMBUKAAN RUMAH IBADAT DALAM TEMPOH PKPP

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
1. Langkah Pencegahan Penularan COVID-19	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menampal makluman berkaitan dengan amalan norma baru kehidupan;</li> <li>▪ Menyediakan kaunter di pintu masuk yang dihadkan bilangan petugas bagi memeriksa suhu badan, menggunakan <i>hand sanitizer</i> dan rekod kehadiran penganut;</li> <li>▪ Semua ahli Jawatankuasa Pengurusan Rumah Ibadat, ketua agama dan petugas perlu menjalani saring kesihatan sebelum memulakan tugas;</li> <li>▪ Diwajibkan memakai pelitup muka dan kerap membersihkan tangan dengan sabun dan air atau <i>hand sanitizer</i>;</li> <li>▪ Kerap melakukan proses pembersihan dan disinfeksi permukaan yang kerap disentuh, ruang ibadat dan kawasan sekitarnya;</li> <li>▪ Tidak berkongsi peralatan dan bahan sembahyang; dan</li> <li>▪ Penggunaan tandas perlu dihadkan mengikut jumlah bilik tandas yang ada pada satu-satu masa.</li> </ul>



## SOP PEMBUKAAN RUMAH IBADAT DALAM TEMPOH PKPP

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
2. Kawalan dan Pengesanan	<ul style="list-style-type: none"><li>▪ Kehadiran menggunakan aplikasi MySejahtera atau direkodkan di dalam buku kehadiran;</li><li>▪ Ahli Jawatankuasa Pengurusan rumah ibadat, petugas dan penganut hanya terdiri daripada warganegara Malaysia sahaja;</li><li>▪ Menghadkan bilangan penganut dengan memastikan penjarakan sosial 1 meter masih dipatuhi;</li><li>▪ Mana-mana Ahli Jawatankuasa Pengurusan Rumah Ibadat, petugas dan penganut yang demam atau mempunyai gejala batuk, sakit tekak, selsema atau sesak nafas tidak dibenarkan masuk ke dalam rumah ibadat;</li><li>▪ Tidak mengadakan sebarang aktiviti berjadual seperti kelas keagamaan dan kebudayaan.</li></ul>



## SOP PEMBUKAAN RUMAH IBADAT DALAM TEMPOH PKPP

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
3. Penandaan Jarakan	<ul style="list-style-type: none"><li data-bbox="657 619 2384 729">▪ Menyusun dan membuat penandaan jarak kedudukan penganut di dalam dewan dan ruang ibadat, sekurang-kurangnya 1 meter; dan</li><li data-bbox="657 762 2384 872">▪ Memastikan penjarakan sosial juga dilakukan semasa penganut menunggu giliran di kaunter saringan.</li></ul>



## SOP PEMBUKAAN RUMAH IBADAT DALAM TEMPOH PKPP

### AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
4. Amalan Kebiasaan Baharu	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Penganut yang menghidap penyakit kronik, warga emas dan kanak-kanak berumur 12 tahun dan ke bawah tidak digalakkan hadir;</li> <li>▪ Penganut diwajibkan membawa kad pengenalan diri dan memakai pelitup muka;</li> <li>▪ Melaksanakan penjarakan sosial di dalam dan luar rumah ibadat, sekurang-kurangnya 1 meter antara satu sama lain;</li> <li>▪ Cara masuk dan keluar rumah ibadat mesti mengikut giliran dengan beratur serta menjaga penjarakan yang terkawal;</li> <li>▪ Penganut perlu bersurai dalam keadaan tenang;</li> <li>▪ Elakkan aktiviti bersalaman dan bersentuhan; dan</li> <li>▪ Tiada perkumpulan dibenarkan selepas selesai aktiviti sama ada di dalam atau di luar rumah ibadat.</li> </ul>